



1. JAWATAN	: PENOLONG PENGUASA KASTAM
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
	KEMENTERIAN KEWANGAN
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: DUA (2)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja yang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sebagai Pegawai Pemeriksa atau Pegawai Kastam dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PENGUASA KASTAM:

1. Menerima arahan daripada pegawai atasan serta melaporkan balik.
2. Membantu Ketua Bahagian/Unit/Cawangan.
3. Berperanan selaku Penyelia atau Pembantu Ketua Pos Kawalan yang bertanggungjawab ke atas penyeliaan kakitangan, logistik dan pengendalian tugas.
4. Menyediakan tugas kepada setiap kakitangan bawahan.
5. Memastikan tugas-tugas tersebut dibuat dengan sempurna dan teratur.
6. Menyediakan laporan kemajuan bulanan.
7. Membuat penilaian prestasi pegawai-pegawai yang di bawah jagaan.